



TREND PENGUNDIAN DALAM PILIHAN RAYA UMUM 1986-2018 DI MALAYSIA BERDASARKAN PEMETAAN GEOGRAFI

VOTING TRENDS IN THE 1986-2018 GENERAL ELECTION IN MALAYSIA BASED ON GEOGRAPHICAL MAPPING

Junaidi Awang Besar^{1*}, Ahmad Rizal Mohd Yusof², Nasir Nayan³, Siti Noranizahhafizah Boyman⁴, Mazlan Ali⁵, Aajirah Hanim Abdul Halim⁶

- ¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
Email: jab@ukm.edu.my
 - ² Institut Kajian Etnik (KITA); Universiti Kebangsaan Malaysia; Bangi, Selangor
Email: army@ukm.edu.my
 - ³ Jabatan Geografi dan Alam Sekitar; Fakulti Sains Kemanusiaan; Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak
Email: nasir@fsk.upsi.edu.my
 - ⁴ Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan; Fakulti Sains Kemanusiaan; Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
Email: noranizah@fsk.upsi.edu.my
 - ⁵ Fakulti Teknologi dan Informatik Razak, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.
Email: mazlanali.kl@utm.my
 - ⁶ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
Email: aajirahhanim@gmail.com
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.08.2021
Revised date: 02.09.2021
Accepted date: 07.09.2021
Published date: 19.09.2021

To cite this document:

Awang Besar, J., Yusof, A. R. M., Nayan, N., Boyman, S. N., Ali, M., & Halim, A. H. A. (2021). Trend Pengundian Dalam Pilihan Raya

Abstrak:

Malaysia yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan yang mempunyai sistem pilihan raya *first past the post* iaitu penentuan kemenangan dalam pilihan raya berlandaskan kepada majoriti mudah. Keputusan pilihan raya disebabkan oleh faktor tertentu dan akan membentuk pola pengundian tertentu. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis trend pengundian dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 1986-2018 di Malaysia berdasarkan pemetaan geografi. Penulisan artikel ini adalah berdasarkan kepada data keputusan PRU 1986-2018, pemerhatian di lapangan ketika pilihan raya dan penghasilan peta taburan geografi keputusan PRU bagi Parlimen dan DUN dengan menggunakan perisian ArcGIS serta dianalisis berdasarkan sumber sekunder yang berautoriti. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa elemen geografi yang

Umum 1986-2018 Di Malaysia Berdasarkan Pemetaan Geografi. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (25), 40-63.

DOI: 10.35631/IJLGC.625005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



dapat dikaitkan dengan keputusan dan pola pengundian iaitu dari segi lokasi dan kewilayahan. Pola pengundian antara lapan PRU tersebut menunjukkan berlakunya turun-naik atau pendulum berdasarkan pencapaian jumlah kerusi sama ada Parlimen dan DUN antara parti pemerintah yang sejak sekian lamanya (1955-2013) iaitu Perikatan/Barisan Nasional (BN) dengan parti pembangkang seperti DAP, PAS, PKR dan lain-lain. Dinamika sokongan ini disebabkan oleh antaranya faktor geografi dan faktor lain seperti isu, kepemimpinan, etnik, pengalaman memerintah, media, fahaman kepartian, faktor sosiologi dan pilihan rasional. Justeru, diharapkan agar impak penulisan artikel ini dapat memberikan dimensi baru pemikiran politik pilihan raya yang dinamik serta berstrategi dan berseni ini demi kuasa serta dapat menambahkan lagi data dan maklumat kajian yang berkaitan dengan politik pilihan raya dan geografi pilihan raya.

Kata Kunci:

Kerajaan, Demokrasi, Pilihan Raya, Wakil Rakyat, Elemen Geografi, Geografi Pilihan Raya

Abstract:

Malaysia adopts a system of parliamentary democracy and a constitutional monarchy which has a first past the post electoral system which is the determination of victory in elections based on a simple majority. Election results are caused by certain factors and will shape certain voting patterns. Therefore, it is the purpose of writing this article to analyze the voting trends in the General Election (GE) 1986-2018 in Malaysia based on the geographical mapping. The writing of this article is based on the 1986-2018 GE results data, field observations during elections, and the production of a geographical distribution map of GE results for Parliament and DUN by using ArcGIS software and analyzed based on authoritative secondary sources. The results show that there are several geographical elements that can be associated with the results and patterns of voting in terms of location and region. The voting pattern between the eight GEs shows a fluctuation or pendulum based on the achievement of the number of seats in both Parliament and DUN between the ruling party which for a long time (1955-2013) namely Perikatan/Barisan Nasional (BN) with opposition parties such as DAP, PAS, PKR, and others. The dynamics of this support are due to, among others, geographical factors and other factors such as issues, leadership, ethnicity, governing experience, media, party ideology, sociological factors, and rational choice. Therefore, it is hoped that the impact of writing this article can provide a new dimension of dynamic electoral political thinking as well as strategic and artistic for the sake of power and can add more data and research information related to electoral politics and electoral geography.

Keywords:

Government, Democracy, Elections, Elected Representatives, Geographical Elements, Electoral Geography

Pengenalan

Pilihan raya merupakan perkara yang berkaitan dengan politik dalam memilih orang atau orang-orang yang akan mewakili kepentingan pemilih dalam hal yang terletak di bawah bidang kuasa organisasi dimana orang atau orang-orang berkenaan dipilih untuk bertugas (A. Rashid, 1994; S. Sothi, 1993; Wan Ahmad, 2014). Geografi pilihan raya merupakan satu bidang kajian

berkaitan dengan perbezaan aspek geografi seperti kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayahan. Aspek utama dalam kajian geografi pilihan raya ialah pengaruh proses politik dalam ruang geografi. Dalam erti kata lain, geografi pilihan raya menekankan aspek analisis geografi dalam pilihan raya iaitu kajian tentang pola ruang dan kuasa dalam pengundian serta pengaruh faktor sejarah, sosiologi, ekonomi dan faktor setempat terhadap tingkah laku pengundi dan keputusan pilihan raya di sesuatu kawasan (Junaidi et al., 2016; Junaidi, 2018; Amer Saifude, 2009).

Faktor geografi boleh mempengaruhi sesebuah parti politik membuat dasar/rancangan dan strategi mereka untuk mengekalkan sokongan di kawasan lemah atau faktor yang menggalakkan wakil rakyat menyokong keputusan untuk kepentingan pengundi di kawasan tersebut (S. Sothi, 1993). Kajian awal tentang pilihan raya dari sudut geografi atau ruang menimbulkan andaian bahawa rakyat mengundi selaras dengan apa yang mereka anggap penting dari perspektif mereka. Ruang merujuk kepada sifat atau fenomena yang dibahagikan dalam sesuatu lingkungan, kawasan atau sempadan. Elemen ruang seperti perletakan, lokasi, kejiranan dan jarak dilihat mempengaruhi tingkah laku dan pembuatan keputusan. Manusia akan berinteraksi dengan siapa atau di mana berasaskan kepada lokasi dan kejiranan di mana mereka berada. Elemen ruang adalah bahagian penting yang terkandung dalam geografi politik khususnya dalam kajian pilihan raya (Rosmadi et al., 2011). Kebiasaannya, keputusan pilihan raya dan pola pengundian dianalisis berdasarkan aspek sosioekonomi dan sosiopolitik. Namun aspek geografi kurang dikaji oleh sarjana. Aspek geografi yang dimaksudkan adalah dari segi segi lokasi, kawasan, kejiranan, ketersampaian, jarak, ruang persekitaran, tahap pembangunan, taburan pengundi, sebaran, geografi fizikal (faktor kepulauan), geografi fizikal (faktor kedekatan dengan sumber air), keadaan ruang, kewilayahan, Negeri, Parlimen, DUN, Daerah Mengundi dan Lokaliti atau tempat kediaman dan sebagainya. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis trend pengundian dalam Pilihan Raya Umum 1986-2018 di Malaysia berdasarkan pemetaan geografi.

Ulasan Literatur

Terdapat banyak kajian berkaitan pilihan raya sama ada pada peringkat luar negara, dalam negara (Malaysia), negeri, Parlimen mahupun DUN. Namun dalam artikel ini, kajian lepas yang akan diulas hanyalah berkisar pada Pilihan Raya Umum (PRU) kajian di Malaysia iaitu PRU 1986, PRU 1990, PRU 1995, PRU 1999, PRU 2004, PRU 2008, PRU 2013 dan PRU 2018.

Bagi PRU 1986, Hussain (1986) menyatakan bahawa BN berjaya memenangi PRU 1986 pada peringkat persekutuan dan juga negara kerana BN yang menjadi Kerajaan sejak PRU 1955, 1959 hinggalah menjelang PRU 1986 mempunyai kuasa dan bijak menggunakan apa jua peluang, wang, jentera kerajaan dan kepimpinan pada peringkat akar umbi untuk memastikan kemenangannya. Zakry (1986) menjelaskan bahawa kemenangan besar BN dalam PRU 1986 disebabkan isu perpaduan kaum dan kestabilan sosioekonomi yang difikirkan rakyat bahawa BN telah berjaya menyatukan rakyat pelbagai bangsa sejak peristiwa 13 Mei 1969 yang lalu seterusnya berjaya memajukan negara seiring dengan dunia luar. Rahman (1989) menghujahkan bahawa stail kepimpinan politik Mahathir yang yakin, tegas serta berani memperkenalkan dasar baru seperti Dasar Pandang Ke Timur dan sebagainya, pembangunan kenderaan kereta automobil tempatan iaitu kereta Proton Saga pada 1985, kejayaan pembinaan jambatan Pulau Pinang yang merupakan jambatan terpanjang di negara pada waktu tersebut yang dibuka pada 1985 menjadikan rakyat di negara ini pada masa tersebut begitu kagum dan

mempercayai keupayaan Dr. Mahathir sebagai pemimpin utama negara seterusnya mendapat mandat besar dalam PRU 1986. Yusop Khan (2000) menyatakan bahawa meskipun berlaku banyak dan pelbagai isu dan skandal dalam negara menuju PRU 1986 namun pengundi terus memberi mandat dan kepercayaan kepada BN untuk menerajui negara ini berdasarkan kepada pengalaman dan trek rekod pemerintahan BN yang cemerlang sejak merdeka lagi. Bagi rakyat, keamanan dan kestabilan merupakan kunci utama untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan inilah yang ada pada BN yang juga dilihat berfahaman sederhana, mewakili kesemua kaum dan agama di negara ini berdasarkan keanggotaan parti komponen dalam parti tersebut dan juga merupakan satu-satunya gerakan sosio-politik yang berjaya dan stabil untuk memerintah negara ini.

Bagi PRU 1990, Zakry (1990) menjelaskan bahawa meskipun UMNO yang menunjangi BN telah berpecah kerana pertandingan jawatan Presiden UMNO antara Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh pada tahun 1987 yang akhirnya melahirkan parti serpihan UMNO pimpinan Tengku Razaleigh iaitu Semangat 46, namun BN/UMNO masih berpeluang memenangi PRU 1990 kerana faktor pembangunan untuk rakyat dan faktor sentimen peribadi kepimpinan Dr. Mahathir. Zakri (1990a) menyatakan iklim politik menuju PRU 1990 dilihat tidak menentu dengan perpecahan dalaman UMNO serta peranan dan strategi politik parti pembangkang untuk memenangi PRU tersebut melalui pakatan politik seperti Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang melibatkan parti politik pembangkang Melayu dan Gagasan Rakyat (GS) yang melibatkan parti politik pembangkang bukan Melayu. Commonwealth Secretariat (1990) menjelaskan bahawa aspek kempen yang bebas, pengendalian ketika hari pengundian yang sistematik serta pengiraan undi yang lebih spesifik perlu dilakukan pihak berkuasa pilihan raya di negara ini (Malaysia) agar pengendalian pilihan raya tersebut lebih dipercayai dan diyakini pengundi. Zakry (1990b) mengulas prestasi yang dicapai oleh beberapa buah parti politik dalam Pilihan Raya Umum 1990 yang tidak memberangsangkan. Berbanding dengan Pilihan Raya Umum 1986 lalu, pilihan raya kali ini (1990) tidak menunjukkan prestasi yang lebih baik bagi kebanyakan parti politik dalam Barisan Nasional. Zarina (1996) menjelaskan bahawa buat pertama kalinya parti pembangkang yang berbagai ideologi bergabung dalam barisan pembangkang membentuk Angkatan Perpaduan Ummah dan Gagasan Rakyat untuk menentang BN. Namun pakatan pembangkang masih gagal menewaskan BN pada peringkat persekutuan kerana BN yang menggunakan slogan 'Aman, Stabil dan Makmur' dalam manifestonya lebih berjaya memikat hati pengundi di samping pengalaman dan trek rekod BN yang baik sebagai Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Kajian oleh Khong (1991) menjelaskan bahawa isu yang dimanipulasikan dalam pilihan raya 1990 tersebut memberikan kelebihan kepada parti pembangkang iaitu PAS dalam isu agama, Semangat 46 dalam isu kaum dan bahasa dan DAP dalam isu kaum dan konsep 'Malaysian Malaysia' seterusnya parti-parti pembangkang tersebut berjaya memenangi beberapa kerusi-kerusi DUN dan Parlimen dalam pilihan raya tersebut.

Bagi PRU 1995, Mohd Sayuti (1995) menyatakan bahawa kemenangan besar BN dalam PRU 1995 membuktikan keyakinan rakyat kepada idealisme kepimpinan Dr. Mahathir dalam membangunkan negara. Ketiadaan isu besar, kesuntukan masa kempen, tidak wujud kerjasama mantap dalam kalangan parti pembangkang serta penguasaan media massa oleh BN turut menjadi faktor kekalahan parti pembangkang dalam PRU tersebut. Gomez (1996) menghujahkan bahawa faktor perpecahan undi kaum Melayu dalam parti politik Melayu, kesatuan undi bukan Melayu kepada BN serta faktor 4 'M' iaitu *money, media, machinery & Mahathir* dan pengenalan Wawasan 2020 oleh Dr. Mahathir menjadi faktor kemenangan besar BN dalam PRU 1995. Ahmad Atory (1998) menjelaskan bahawa faktor kemerosotan parti

pembangkang dalam PRU 1995 adalah corak dan strategi PAS yang lebih kepada menyerang peribadi pemimpin BN dan UMNO yang tidak dapat diterima pengundi, tiada isu besar, trek rekod BN sebagai Kerajaan yang berprestasi tinggi dan parti pembangkang tiada janji atau manifesto yang dapat memikat pengundi untuk menyokong mereka. Syed Arabi & Mazni (1995) menjelaskan bahawa isu kejayaan pembangunan di bawah BN dan pengenalan Wawasan 2020 oleh Dr. Mahathir menjadi tonggak kepada peranan media arus perdana dalam mempromosi kempen BN dalam PRU 1995 seterusnya menjadi faktor sokongan dan keyakinan serta kepercayaan pengundi kepada BN dalam PRU tersebut. Ab. Rahim (1995) menjelaskan bahawa kempen perkauman yang melampau oleh DAP, peralat agama oleh PAS dan Semangat 46 yang tiada hala tuju yang jelas menyebabkan pengundi menolak ketiga-tiga parti pembangkang dalam PRU 1995. Kemenangan besar BN adalah hasil kepemimpinan mantap Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim dalam memajukan negara, jentera pilihan raya yang kuat dan bersungguh-sungguh, tiada isu besar pada peringkat nasional dan ideologi BN yang sederhana serta merangkumi semua kaum diterima dan selesa kepada pengundi.

Bagi PRU 1999, Alias (2000) menyatakan bahawa keputusan PRU 1999 menunjukkan bahawa rakyat/pengundi mula tertarik dengan sistem dua parti iaitu barisan kerajaan dan barisan pembangkang. Parti politik yang tidak menyertai mana-mana barisan atau pakatan akan ditolak pengundi. PRU 1999 juga memperlihatkan kemerosotan pengaruh BN/UMNO di kawasan majoriti Melayu terutamanya di wilayah Pantai Timur dan Utara Semenanjung Malaysia. Justeru, BN terutamanya UMNO perlu bermuhasabah, mengenal pasti punca peralihan undi Melayu tersebut seterusnya memperbaiki prestasi dalam PRU akan datang. Biro Analisis Politik (2000) menyatakan bahawa PRU 1999 memperlihatkan merebaknya trend politik bukan perkauman. BN dan parti pembangkang telah mengeneipkan isu perkauman dan telah menggunakan strategi bukan perkauman untuk memikat undi. Kamarudin (2000) menyatakan bahawa PRU 1999 jelas menunjukkan penolakan pengundi muda Melayu terhadap BN/UMNO. PRU tersebut juga memperlihatkan pengundi sudah mula menerima sistem dua parti untuk bertanding dalam PRU seterusnya membentuk kerajaan. Mohd Fuad et al. (2005) mendapati terdapat beberapa dapatan yang menarik menjelang pilihan raya umum 1999 tersebut. Antaranya ialah terdapat kemerosotan sokongan pengundi Melayu terhadap BN dengan secara purata 30 peratus daripada telah beralih menyokong parti pembangkang (PAS). Kedua, wujudnya dua pola pengundian yang berbeza iaitu pengundi sukakan UMNO, tetapi menolaknya atas faktor calon atau kepimpinan UMNO setempat dan pengundi yang menolak UMNO, tetapi menyokong dan mengundi UMNO atas faktor calon yang bertanding kerana tertarik dengan kewibawaan dan ketokohan calonnya.

Mohd Yusof & Azlan (2002) dalam kajian pilihan raya 1999, mendapati bahawa faktor perkauman masih relevan dalam pilihan raya di Malaysia. Namun demikian, pilihan raya umum 1999 menggambarkan kemungkinan faktor tersebut mungkin berkurangan pada masa hadapan dan menjadi salah satu elemen yang penting dalam perkembangan politik baru di Malaysia. Faktor kewilayahan juga mempengaruhi pola pengundian, umpamanya wilayah utara, tengah dan selatan dipelopori oleh UMNO manakala timur oleh PAS. Mohd Fuad & Sabihah (2002) menyatakan bahawa keputusan PRU 1999 jelas menunjukkan kemunculan pola politik baru kewilayahan. Isu atau faktor kewilayahan secara keseluruhan masih signifikan dalam mempengaruhi pola pengundian di peringkat wilayah dan nasional. Ragam pengundi di kawasan majoriti Melayu di bahagian Pantai Timur dan Utara Semenanjung Malaysia telah berubah dan tidak menyokong UMNO/BN. Leow (2001) dalam kajian pilihan raya 1999: tingkahlaku pengundi Cina di Sri Kembangan mendapati faktor media massa, faktor sistem

kepercayaan atau sikap politik dan faktor isu politik telah membantu pengundi mencorak keutamaan mereka iaitu mengawal kerajaan dan pembangunan tempatan yang berkesan. Wong (2001) dalam kajian perilaku pengundi Cina dalam pilihan raya 1999: satu kajian kes di DUN Rahang, Negeri Sembilan mendapati isu-isu pembangunan dan perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah parti dan calon pilihan raya merupakan penentu utama seseorang pengundi untuk menyokong parti yang bertanding. Goo (2002) dalam kajian kemenangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka mendapati faktor kepemimpinan dan kelemahan BN yang menyebabkan DAP terus menang di Kota Melaka. Ghazali (2006) menyatakan bahawa isu pemecatan dan layanan buruk terhadap Anwar Ibrahim menyebabkan BN terutamanya UMNO telah kehilangan undi kaum Melayu, gagal merampas negeri Kelantan dan tewas di Terengganu.

Bagi PRU 2004, Mohd Sayuti (2004a) menimbulkan persoalan bahawa PRU 2004 adalah medan untuk menguji kredibiliti Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri yang menggantikan Dr. Mahathir yang meletak jawatan pada tahun 2002. Bagi parti pembangkang, terutamanya PAS, pilihan raya 2004 adalah medan untuk mengubah rupa bentuk pemerintah negara ini pada masa akan datang. Beliau juga menimbulkan persoalan, adakah PAS mampu untuk merampas Kedah, Perlis, Selangor dan Pahang. Mohd Rizal & Kamarulzaman (2006) menjangkakan pada PRU 2004, pengundi Cina dan India lebih menyokong BN berbanding pengundi Melayu yang lebih cenderung untuk menyokong parti pembangkang. Kakitangan awam dijangka memberikan sokongan yang lebih kepada BN berbanding dengan pengundi yang mempunyai pekerjaan lain. Walau bagaimanapun, keputusan sebenar tentang gelagat pengundi bergantung kepada apa yang berlaku pada hari pilihan raya. Mohd Sayuti (2004b) menjelaskan bahawa PRU-11 mencatatkan beberapa kejutan dan kelukaan banyak pihak terutamanya parti pembangkang. Kehilangan kerusi BA yang dimenangi PRU 1999 di hampir semua negeri, kekalahan tipis BN di Kelantan dan kejatuhan PAS Terengganu adalah sesuatu yang amat mendukacitakan. Wan Nik (2005) menyatakan bahawa strategi BN pada PRU 2004 yang memakai doktrin materialisme berjaya menggugat Kerajaan PAS Kelantan. BN dijangka mengukuhkan pendekatan materialistik untuk merampas Kelantan, sekali gus memaksa PAS bekerja keras mempertahankan sokongan rakyat. Mohd Fuad & Yalvema (2007) menyatakan bahawa faktor imej kepimpinan Perdana Menteri baru iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi diterima oleh pengundi tua dan muda sebagai tokoh politik yang bersih dan beragama di samping pengenalan beberapa dasar kerajaan yang dilihat dapat meningkatkan lagi integriti kepimpinan negara seperti dasar Islam Hadhari, SUHAKAM, SPRM dan sebagainya menjadi faktor utama sokongan padu pengundi kepada BN dalam PRU 2004. Ghazali (2007) menjelaskan bahawa kemenangan besar BN dalam PRU 2004 disebabkan oleh 'Perdana Menteri Baru, Mandat Baru' iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempraktikkan gaya kepimpinan dan tindakan politik yang dibuat beliau yang telah melahirkan suasana senang dan selesa rakyat sejak 2002 hinggalah 2004. Faktor lain yang menyebabkan BN menang besar dalam PRU 2004 adalah persempadanan semula kawasan pilihan raya 2003 serta usaha bersungguh-sungguh Kerajaan BN untuk memenangi hati pelbagai lapisan masyarakat dari semua kaum sejak 1999.

Bagi PRU 2008, Amer Saifude (2008) dalam kajian politik etnik dalam parlimen 2008 di Malaysia mendapati bahawa di kawasan pilihan raya bercampur (tidak ada satu etnik majoriti dalam kawasan pilihan raya), kebanyakannya dimenangi oleh pakatan parti pembangkang sedangkan dalam pilihan raya umum sebelumnya ia merupakan kubu terkuat BN. Beliau juga mendapati pengundi berani memilih parti pembangkang seterusnya secara jelas menolak idea politik pembangunan. Nazli (2008) dalam kajian pilihan raya umum ke 12 dan perhubungan

kaum di Malaysia mendapati bahawa walaupun landskap politik yang berlandaskan kaum di Malaysia mungkin akan kekal sebagai satu arena untuk menguji pengaruh dan kekuatan parti, senario pasca pilihan raya umum ke-12 menunjukkan suatu evolusi fenomena yang signifikan dalam mengubah status quo politik di Malaysia daripada bersifat eksklusif kepada satu kaum kepada supra-etnik. Brown (2008) dalam kajiannya *'Federal and state elections in Malaysia, March 2008'* menyimpulkan bahawa keputusan pilihan raya 2008 menjadi petanda baik untuk pendemokrasian selanjutnya di Malaysia. Parti pembangkang perlu mencari alternatif untuk bekerjasama khususnya di negeri yang tidak ada parti pembangkang memerintah dengan sendiri. Kedua, ada kemungkinan radikalisasi etnik antara komponen parti BN untuk mengembalikan sokongan pengundi etnik mereka. Ahmad Atory (2009) menjelaskan bahawa PRU 2008 memperlihatkan bibit-bibit pecahnya hegemoni politik Melayu kepada UMNO/BN apabila parti tersebut tewas di negeri majoriti etnik Melayu iaitu Kedah, Perak dan Selangor dan terus tewas di Selangor. Oleh itu, UMNO perlu melakukan beberapa perubahan besar merangkumi penjenamaan semula dan muhasabah diri yang terdiri daripada pendekatan struktur, pendekatan prosedur, pendekatan tingkah laku dan pendekatan teknologi ICT.

Bagi PRU 2013, Nafisah dan Siti Noranizahhafizah (2013) mendapati berdasarkan kepada isu-isu dalam kempen-kempen yang dijalankan sama ada sebelum pilihan raya umum (PRU) 2013 dijalankan dan pasca PRU tersebut menunjukkan terdapatnya sentimen perkauman menebal yang dimainkan oleh kedua-dua pihak iaitu BN dan PR. Antara isu yang dimainkan ialah berkisar dengan peristiwa 13 Mei 1969, perlembagaan (hak istimewa orang Melayu), kalimah Allah (agama) dan pendidikan Cina. Keadaan tersebut adalah tidak bagus dalam masyarakat majmuk di negara ini. Dengan itu, suasana politik yang matang perlu diwujudkan untuk kelangsungan demokrasi yang sebenar. Menurut Mujibu (2013) dalam kajian "Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum Ke-12" telah mendapati bahawa gabungan faktor-faktor perkauman, permuafakatan, pecah dan perintah, pengawalan dan pembangunan menjadi asas kekuatan BN mendominasi politik Malaysia. Namun, perubahan generasi, modenisasi dan kepesatan teknologi dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kekalahan BN itu. Kemunculan generasi baru dalam pilihan raya jelas menunjukkan bahawa generasi di Malaysia telah beranjak dari generasi merdeka kepada pasca merdeka. Junaidi et al. (2014) dalam kajian tentang tsunami politik bandar pada Pilihan Raya Umum 2013 di Malaysia telah mendapati bahawa 'tsunami politik bandar' berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti facebook, twitter, laman web, blog dan juga SMS di samping faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda kepada Pakatan Rakyat (PR). Junaidi (2017) menjelaskan bahawa PRU-13 memperlihatkan kemerosotan penguasaan BN dari segi kerusi Parlimen dan juga undi popular. Fenomena 'tsunami Cina' memusnahkan harapan BN mendapatkan kerusi Parlimen dua pertiga serta menawan semula negeri Selangor dan Pulau Pinang. Persepsi pengundi muda dipengaruhi oleh slogan 'ubah' dan 'ini kalilah' melalui maklumat politik dalam media sosial dan internet. Program transformasi oleh Perdana Menteri gagal memikat tiga kategori pengundi iaitu pengundi Cina, pengundi luar kawasan dan pengundi muda.

Bagi PRU 2018, Junaidi, Abdul Muein & Ahmad Afif (2018) menghuraikan bahawa tekad untuk jatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan perang persepsi telah berjaya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU kali

ini. Junaidi (2018) menjelaskan bahawa apa yang menariknya keputusan dan pola pengundian PRU 2018 ialah kemenangan parti yang bertanding dibentuk daripada faktor geografi yang terpisah antara satu sama lain. PH secara majoritinya menang di wilayah atau zon Pantai Barat Semenanjung Malaysia terutamanya di kawasan bandar dan separa bandar manakala PAS menang di zon Pantai Timur Semenanjung Malaysia manakala BN kekal menguasai kawasan luar bandar terutamanya di negeri terkecil iaitu Perlis dan juga negeri terbesar di Semenanjung Malaysia iaitu Pahang. Junaidi (2019) menjelaskan bahawa tekad untuk menjatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan perang persepsi telah berjaya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU 2018. Junaidi et al. (2020) menghujahkan bahawa hampir kesemua kawasan bandar dimenangi oleh Pakatan Harapan (PH) dan sebahagian kecil dimenangi oleh PAS iaitu di kawasan bandar di wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Bagi kawasan luar bandar pula, kawasan majoriti Melayu dikuasai UMNO/BN dan juga oleh PAS di Kelantan, Terengganu dan juga sebahagian luar bandar di Kedah. Terdapat juga kawasan luar bandar yang dimenangi oleh sama ada BN, PAS dan PH dengan majoriti tipis disebabkan perpecahan undi ketiga-tiga blok parti. Ini disebabkan oleh segmen demografi pengundi yang berbeza sama ada oleh pengundi setempat, pengundi muda, pengundi luar dan juga pengundi berpendidikan yang lebih tinggi.

Metod Kajian

Bagi metod kajian, antara kaedah pengumpulan data primer bagi teknik kualitatif ialah menggunakan pemerhatian di lapangan ketika pilihan raya umum manakala kaedah kuantitatif pula ialah olahan data keputusan PRU 1986-2018 iaitu lapan PRU bagi kerusi Parlimen dan DUN seluruh Malaysia dalam bentuk pemetaan ArcGIS. Pemerhatian di lapangan dilakukan dengan memerhati suasana kempen PRU 2018 yang merangkumi perang poster, *bunting*, *bunting* dan *billboard*; sesi ceramah pada waktu malam; sesi *walkabout* calon yang bertanding; dan meninjau reaksi pengundi terhadap situasi, kaedah dan intipati isu kempen. Kaedah pemerhatian di lapangan adalah penting bagi melihat perubahan landskap budaya politik masyarakat setempat, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan untuk menyokong seterusnya mengukuhkan hasil kajian. Kaedah kuantitatif iaitu olahan data keputusan PRU 1986-2018 iaitu lapan PRU bagi kerusi Parlimen dan DUN seluruh Malaysia pula merujuk kepada penelitian terhadap keputusan PRU-14 di kawasan tersebut dari segi jumlah dimenangi semua parti politik yang bertanding dalam lapan PRU tersebut. Penelitian terhadap data keputusan PRU 1986-2018 tersebut dari segi jumlah kerusi yang dimenangi parti politik adalah penting bagi melihat data keputusan undi secara lebih detail dan tepat berdasarkan angka bernombor bagi membuat justifikasi atau alasan sebab musabab keputusan berdasarkan angka bersifat sedemikian.

Data sekunder yang merupakan maklumat berbentuk kualitatif melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan melakukan penyelidikan ke perpustakaan. Segala kajian lepas dan data-data daripada sumber kedua iaitu buku, jurnal, latihan ilmiah/kertas projek/disertasi/tesis serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media-media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet, blog, media sosial (facebook, twitter dan email) bagi mendapatkan maklumat tambahan seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal.

Bagi penganalisan data pula melibatkan adunan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data kuantitatif iaitu data keputusan PRU 1986-2018 iaitu lapan PRU bagi kerusi Parlimen dan DUN seluruh Malaysia dalam bentuk pemetaan ArcGIS serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan-bahan bercetak dan atas talian (internet).

Hasil Kajian Dan Perbincangan

Elemen Pemetaan Geografi Dalam PRU 1986-2018

Elemen pemetaan geografi yang dapat dikaitkan dengan keputusan dan pola pengundian iaitu dari segi lokasi (bandar-separa bandar-luar bandar) dan kewilayahan (Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Pantai Barat Semenanjung Malaysia, Tengah Semenanjung Malaysia, Borneo/Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak). Pengaruh elemen geografi atau faktor persekitaran dapat memberi kesan kepada tingkah laku politik pilihan raya pengundi dari segi persepsi/pandangan politik dan partisipasi politik yang akhirnya mempengaruhi atau memberi orientasi/kecenderungan sokongan kepada calon atau parti politik yang dipilih. Pola pengundian antara lapan PRU tersebut menunjukkan berlakunya turun-naik atau pendulum berdasarkan pencapaian jumlah kerusi sama ada Parlimen dan DUN antara parti pemerintah yang sejak sekian lamanya (1955-2018) iaitu Perikatan/Barisan Nasional (BN) dengan parti pembangkang seperti DAP, PAS, PKR dan lain-lain (Lihat Jadual 1). Dinamika sokongan ini disebabkan oleh antaranya faktor geografi dan juga faktor lain seperti isu, kepemimpinan, etnik, pengalaman memerintah, media, fahaman kepartian, faktor sosiologi dan pilihan rasional.

Jadual 1: Jumlah kerusi Parlimen dan parti politik yang menang pada PRU 1986-2018

PRU	Jumlah Kerusi Parlimen	BN (menang)	Parti politik lain (menang)
1986	177	148	29
1990	180	127	53
1995	192	162	30
1999	193	148	45
2004	219	199	20
2008	222	140	82
2013	222	133	89
2018	222	79	122 (PH) dan 21(parti politik lain)

Sumber: (SPR 1986, SPR 1990, SPR 1995, SPR 1999, SPR 2004, SPR 2008, SPR 2013 & SPR 2018)

Bagi pola PRU 1986-2018 untuk kerusi Parlimen, elemen pemetaan geografi yang pertama yang akan dianalisis adalah dari sudut lokasi. Lokasi yang dimaksudkan adalah dari segi bandar-separa bandar-luar bandar. Dari segi lokasi perbandaran iaitu bandar-luar bandar, indikator yang digunakan bagi mengenalpasti kerusi luar bandar, semi bandar dan bandar adalah seperti berikut, luar bandar adalah kawasan kampung/bandar kecil/ladang yang berada dalam kerusi tersebut. Umumnya kerusi luar bandar mempunyai populasi yang rendah. Semi bandar adalah lokasi pinggir bandar besar atau bandar kecil yang juga termasuk kampung-kampung di dalamnya. Sebahagian lokasi semi bandar juga merupakan kawasan bandar, tetapi mempunyai kawasan DUN di kawasan luar bandar di dalamnya. Bandar merupakan lokasi yang mempunyai pembangunan yang pesat serta kegiatan ekonomi bukan berasaskan

pertanian. Majoriti pengundi bandar adalah pengundi Cina dan campuran dengan penduduk kelas menengah yang tinggi.

Apabila dilihat kepada grafik peta geografi keputusan PRU 1986 untuk kawasan Parlimen, didapati BN menguasai hampir keseluruhan kawasan bandar dan separa bandar selain Pantai Barat Semenanjung Malaysia, kecuali DAP yang menang di kerusi bandar di Pulau Pinang (Bagan, Bukit Mertajam, Bukit Bendera, Tanjong, Jelutong & Bayan Baru), Perak (Pasir Pinji, Ipoh, Batu Gajah & Kampar), Selangor (Petaling Jaya & Pucung), Kuala Lumpur (Kepong, Bukit Bintang, Seputeh & Sungai Besi), Negeri Sembilan (Seremban & Rasah), Melaka (Kota Melaka), Sabah (Sandakan, Gaya, Tanjong Aru dan Tawau) dan Sarawak (Bandar Kuching). Hampir kesemua kawasan luar bandar dimenangi BN kecuali terdapat satu kawasan yang dimenangi PAS iaitu Pengkalan Chepa di Kelantan. Kemenangan cemerlang BN di kawasan bandar yang bersifat majoriti kaum campuran disebabkan sokongan pengundi Melayu dan India yang selesa dengan dasar pemerintahan BN yang melibatkan semua kaum serta berideologi sederhana manakala DAP menguasai kawasan bandar majoriti Cina yang berpemikiran 'kritikal' dan memerlukan justifikasi kukuh terhadap sesuatu perkara kerana mereka inginkan pemerintahan yang bersifat '*check and balance*' anda kerajaan dan pembangkang terutamanya ketika sesi perbahasan di Parlimen.


Apabila dilihat kepada grafik peta geografi keputusan PRU 1990 pula untuk kawasan Parlimen, didapati DAP masih menguasai kerusi bandar di Pulau Pinang (Bagan, Bukit Mertajam, Bukit Bendera, Tanjong, Jelutong & Bayan Baru), Perak (Pasir Pinji, Ipoh, Batu Gajah & Kampar), Selangor (Petaling Jaya, Pucung & Klang), Kuala Lumpur (Kepong, Bukit Bintang, Seputeh & Sungai Besi), Melaka (Kota Melaka) dan Sarawak (Bandar Kuching). Pada PRU 1990 ini, pakatan parti pembangkang antara PAS dan parti baharu iaitu Semangat 46 berjaya memenangi kerusi Parlimen luar bandar majoriti Melayu di Kelantan (Tumpat, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Pasir Mas, Rantau Panjang, Nilam Puri, Bachok, Pasir Puteh, Kok Lanas, Tanah Merah, Machang, Kuala Krai dan Gua Musang) dan Terengganu (Kuala Terengganu dan Marang) (Lihat Rajah 1).

Meskipun BN iaitu UMNO mengalami perpecahan dalaman yang akhirnya mewujudkan parti baru iaitu Semangat 46, namun BN masih berjaya mengekalkan kemenangan di lokasi separa bandar dan luar bandar majoriti Melayu kerana orang Melayu percaya bahawa hanya UMNO yang berpengalaman dan boleh dipercayai serta diyakini dalam memperjuangkan hak orang Melayu yang juga disifatkan sebagai parti keramat orang Melayu. Pakatan antara PAS dan Semangat 46 yang dikenali Angkatan Perpaduan Ummah pula berjaya menawan lokasi majoriti Melayu di Kelantan dan lokasi bandar di Terengganu kerana harapan orang Melayu di lokasi tersebut terhadap pemimpin utama Semangat 46 daripada Pantai Timur iaitu Tengku Razaleigh Hamzah untuk diangkat sebagai pimpinan utama negara. DAP menguasai kawasan bandar majoriti Cina yang inginkan pemimpin lokal yang vokal dan berani bersuara di Parlimen untuk perubahan dasar yang lebih besar, bukannya bersikap 'yes man' sahaja iaitu menerima sahaja apa yang dilakukan oleh pemerintah.

Bagi grafik peta geografi keputusan PRU 1995 untuk kawasan Parlimen, BN menang dengan majoriti besar di lokasi bandar, separa bandar dan luar bandar. Pengaruh DAP di lokasi bandar semakin terhakis apabila parti politik tersebut tewas di kebanyakan kerusi Parlimen yang mereka kuasai pada PRU 1990 dan parti tersebut hanya menang di Pulau Pinang (Bagan, Tanjong & Jelutong), Kuala Lumpur (Kepong, Bukit Bintang, Seputeh & Cheras) dan Melaka

(Kota Melaka). Semangat 46 juga tewas di beberapa kerusi Parlimen pada PRU 1995 seperti Peringat, Jeli dan Kuala Terengganu dan hanya kekal di Kelantan iaitu di Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah, Pasir Puteh, Machang dan Gua Musang dengan majoriti yang semakin berkurang. Peningkatan pengaruh BN dalam PRU 1995 adalah kerana situasi kemajuan ekonomi yang baik yang disukai pengundi Cina, prestasi gandingan kepimpinan Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim yang mantap serta kestabilan dan keamanan negara di bawah pemerintahan BN sepanjang 5 tahun pemerintahan parti tersebut.

Grafik peta geografi keputusan PRU 1999 untuk kawasan Parlimen menunjukkan pengaruh BN sedikit terjejas bagi pengundi Melayu terutamanya di lokasi luar bandar Pantai Timur dan Utara Semenanjung Malaysia serta kawasan separa bandar iaitu tewas kepada Barisan Alternatif (BA) iaitu PAS dan KeAdilan di Kelantan (Tumpat, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Pasir Mas, Rantau Panjang, Kubang Kerian, Bachok, Pasir Puteh, Peringat, Tanah Merah, Machang, Jeli dan Kuala Krai), Terengganu (Besut, Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu dan Kemaman) dan Kedah (Jerlun, Padang Terap, Pokok Sena, Kuala Kedah, Yan, Pendang, Sik dan Baling). DAP yang juga berada dalam BA pula menang di kerusi lokasi bandar di Pulau Pinang (Bagan, Bukit Mertajam, Nibong Tebal dan Tanjung), Perak (Batu Gajah), Kuala Lumpur (Kepong, Bukit Bintang, Seputeh & Cheras) dan Melaka (Kota Melaka). Majoriti pengundi Melayu terutamanya di lokasi luar bandar Pantai Timur dan Utara Semenanjung Malaysia serta beberapa kawasan separa bandar di Selangor dan Kuala Lumpur menyokong Barisan Alternatif terutamanya PAS dan KeAdilan kerana simpati terhadap 'mata lebam' Anwar Ibrahim serta pemecatan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri. Pengaruh slogan 'Reformasi' dan 'Lawan Tetap Lawan' juga mempengaruhi emosi pengundi Melayu untuk menyokong pasti politik dalam BA. Namun pengundi Cina dan India terus menyokong BN kerana mereka yakin dan dapat menerima kepimpinan parti komponen dalam BN untuk memperjuangkan hak kaum masing-masing dan bukan atas dasar individu parti seperti Anwar Ibrahim.



Rajah 1: Peta Taburan Geografi Keputusan PRU 1986-2018 bagi Kerusi Parlimen di Malaysia

Sumber: (SPR 1986, SPR 1990, SPR 1995, SPR 1999, SPR 2004, SPR 2008, SPR 2013 & SPR 2018)


Grafik peta geografi keputusan PRU 2004 untuk lokasi Parlimen menunjukkan pengaruh BN meningkat semula apabila BN diketuai pemimpin baru yang dilihat bersih dan Islamik iaitu Abdullah Ahmad Badawi. BN berjaya menawan semula kerusi Parlimen yang mereka tewas pada PRU 1999 kecuali di Kelantan (Tumpat, Pengkalan Chepa, Pasir Mas, Rantau Panjang dan Kubang Kerian). DAP pula kekal di kerusi lokasi bandar di Pulau Pinang (Bagan, Bukit Mertajam, Tanjong dan Bukit Gelugor), Perak (Ipoh Timor, Ipoh Barat dan Batu Gajah), Kuala Lumpur (Kepong, Bukit Bintang, Seputeh & Cheras), Melaka (Kota Melaka) dan Sarawak (Bandar Kuching). Secara keseluruhannya, pada PRU 2004, BN menang lebih 90 peratus lokasi kerusi Parlimen bandar, separa bandar dan luar bandar disebabkan imej baru Perdana Menteri serta mandat dan harapan tinggi pengundi untuk BN bagi mengurus negara dengan baik, berintegriti, amanah, tidak menyeleweng serta mengutamakan rakyat dalam memajukan negara.

Grafik peta geografi keputusan PRU 2008 untuk lokasi Parlimen menunjukkan pengaruh BN merosot semula apabila BN tewas kepada Pakatan Rakyat (PKR, DAP dan PAS) di kesemua lokasi majoriti pengundi Cina 70 peratus ke atas, lokasi Parlimen yang mempunyai lebih 10 peratus pengundi India, lokasi separa bandar dan lokasi campuran di bandar di lokasi Pantai Barat Semenanjung Malaysia. BN terutamanya UMNO juga tewas di lokasi Parlimen majoriti Melayu separa bandar dan sebahagian luar bandar. DAP menang di hampir kesemua kerusi yang ditandingi parti tersebut iaitu di Pulau Pinang (Bagan, Bukit Mertajam, Batu Kawan,

Bukit Bendera, Tanjong, Jelutong dan Bukit Gelugor), Perak (Taiping, Ipoh Timur, Ipoh Barat, Batu Gajah, Beruas dan Teluk Intan), Kuala Lumpur (Kepong, Segambut, Bukit Bintang, Seputeh & Cheras), Selangor (Serdang, Puchong, Petaling Jaya Utara dan Klang), Negeri Sembilan (Seremban dan Rasah), Melaka (Kota Melaka), Johor (Bakri) Sabah (Kota Kinabalu) dan Sarawak (Bandar Kuching). PKR pula menang di lokasi Parlimen etnik campuran dan lokasi Parlimen majoriti Melayu separa bandar iaitu di Kedah (Kuala Kedah, Merbok, Sungai Petani, Padang Serai dan Kulim Bandar Baharu), Pulau Pinang (Permatang Pauh, Nibong Tebal, Bayan Baru dan Balik Pulau), Perak (Bagan Serai, Sungai Siput dan Gopeng), Kelantan (Tanah Merah dan Machang), Pahang (Kuantan & Indera Mahkota), Selangor (Hulu Selangor, Selayang, Gombak, Ampang, Kelana Jaya, Petaling Jaya Selatan, Subang, Kapar dan Kuala Langat), Kuala Lumpur (Batu, Wangsa Maju, Lembah Pantai dan Bandar Tun Razak) dan Negeri Sembilan (Telok Kemang). PAS pula menang di lokasi Parlimen majoriti Melayu separa bandar dan sebahagian luar bandar di Kedah (Padang Terap, Pokok Sena, Pendang, Jerai, Sik dan Baling), Perak (Parit Buntar dan Bukit Gantang), Kelantan (Tumpat, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Pasir Mas, Rantau Panjang, Kubang Kerian, Bachok, Ketereh, Pasir Puteh dan Kuala Krai), Terengganu (Marang), Selangor (Kuala Selangor, Hulu Langat, Shah Alam dan Kota Raja) dan Kuala Lumpur (Titiwangsa). Parti politik dalam Pakatan Rakyat menang banyak kerusi Parlimen majoriti pengundi Cina 70 peratus ke atas, lokasi Parlimen yang mempunyai lebih 10 peratus pengundi India, kawasan campuran di bandar di lokasi Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan Parlimen majoriti Melayu separa bandar dan sebahagian luar bandar disebabkan oleh faktor kegagalan pemerintahan Abdullah Ahmad Badawi untuk merencanakan ekonomi negara, kelemahan peribadi Abdullah Ahmad Badawi, hakisan politik perkauman oleh kaum Cina dan India dan ingin cuba pemerintahan selain BN.

Grafik peta geografi keputusan PRU 2013 untuk lokasi Parlimen menunjukkan pengaruh BN terus merosot apabila BN tewas kepada Pakatan Rakyat (PKR, DAP dan PAS) di lokasi majoriti pengundi Cina 70 peratus ke atas, lokasi separa bandar dan lokasi campuran di bandar di lokasi Pantai Barat Semenanjung Malaysia. DAP berjaya menawan kerusi Parlimen yang ditandingi GERAKAN dan MCA di lokasi bandar dan separa bandar Raub, Kluang, Gelang Patah, Kulai, Sandakan, Stampin, Sarikei dan Lanang. Namun BN berjaya menawan semula beberapa kerusi campuran majoriti Melayu dan lokasi majoriti Melayu 70 peratus dan ke atas. BN berjaya menawan lokasi Parlimen separa bandar dan luar bandar majoriti Melayu berikut iaitu Padang Terap, Pendang, Jerai, Sik, Baling, Kulim Bandar Baharu, Tanah Merah, Machang, Balik Pulau, Bagan Serai, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Titiwangsa. Namun PAS berjaya menawan lokasi Parlimen separa bandar daripada BN/UMNO di Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Dungun dan Sepang manakala PKR berjaya menawan kerusi BN lokasi campuran di Alor Setar, Bukit Katil, Batu Pahat dan Miri. Pakatan Rakyat terutamanya DAP dan juga PKR terus mendapat majoriti sokongan pengundi Cina di lokasi bandar dan separa bandar kerana mereka sudah tidak mempercayai MCA, GERAKAN dan calon Cina daripada BN untuk membela kaum Cina di negara ini. Mereka juga inginkan pemerintahan yang tidak berasaskan perkauman demi keadilan dan kesamarataan untuk semua kaum di negara ini. PAS mendapat tambahan kerusi Parlimen di Terengganu kerana isu pergolakan dalaman UMNO di negeri tersebut sehingga mewujudkan undi sabotaj atau protes dalam kalangan ahli UMNO apabila calon mereka tidak terpilih dalam PRU ini. Grafik peta geografi keputusan PRU 2018 untuk lokasi Parlimen menunjukkan pengaruh BN terus merudum seterusnya buat pertama kalinya dalam PRU kepada pakatan parti pembangkang iaitu Pakatan Harapan yang menggunakan logo PKR (Lihat Rajah 2). PH berjaya menewaskan BN dan PAS pada peringkat kerusi parlimen dengan 122-79-18 manakala 3 kerusi lagi masing-masing dimenangi Parti

Solidariti Tanah Airku (1) dan 2 calon Bebas. Daripada 222 kerusi Parlimen dalam PRU-14 2018, 127 kerusi adalah luar bandar, 51 kerusi semi/separa bandar dan 44 kerusi adalah bandar.



Rajah 2: Peta Kedudukan Kawasan Parlimen Yang Dimenangi Oleh Calon Daripada Parti-Parti Politik Dan Calon Bebas Yang Bertanding Dalam PRU Malaysia ke-14, 2018

Sumber: (Diubahsuai daripada https://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian_general_election,_2018)

Jumlah keseluruhan kerusi Parlimen luar bandar ialah 127 kerusi. Jumlah kawasan Parlimen luar bandar yang dimenangi BN ialah 72 kerusi (56.7 peratus) iaitu Padang Besar, Arau, Padang Terap, Baling, Ketereh, Tanah Merah, Machang, Jeli, Gua Musang, Besut, Hulu Terengganu, Tasek Gelugor, Gerik, Lenggong, Larut, Bagan Serai, Bukit Gantang, Padang Rengas, Parit, Tapah, Pasir Salak, Bagan Datuk, Cameron Highlands, Lipis, Jerantut, Paya Besar, Pekan, Maran, Kuala Krau, Bera, Rompin, Sabak Bernam, Tanjong Karang, Jelebu, Jempol, Masjid Tanah, Jasin, Parit Sulong, Ayer Hitam, Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi, Pengerang, Pontian, Kudat, Kota Marudu, Tuaran, Kimanis, Beaufort, Sipitang, Pensiangan, Beluran, Libaran, Kinabatangan, Santubong, Petra Jaya, Kota Samarahan, Serian, Batang Sadong, Batang Lupar, Betong, Tanjong Manis, Igan, Kanowit, Mukah, Kapit, Hulu Rajang, Sibuti, Baram, Limbang dan Lawas. Bagi kawasan Parlimen yang dimenangi PH/PKR/WARISAN pula ialah 39 kerusi (30.7 peratus) iaitu Langkawi, Jerlun, Pokok Sena, Kuala Kedah, Nibong Tebal, Balik Pulau, Parit Buntar, Beruas, Tanjong Malim, Raub, Bentong, Sungai Besar, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Tampin, Alor Gajah, Segamat, Sekijang, Labis, Pagoh, Sri Gading, Ledang, Simpang Renggam, Tanjong Piai, Kota Belud, Sepanggar, Papar, Ranau, Tenom, Batu Sapi, Silam, Semporna, Kalabakan, Mas Gading, Puncak Borneo, Saratok, Lanang dan Selangau. Kemudian kawasan Parlimen luar bandar yang dimenangi PAS ialah 12 kerusi (9.5 peratus) iaitu Pendang, Jerai, Sik, Tumpat, Pasir Mas, Rantau Panjang, Bachok, Pasir Puteh, Kuala Krai, Setiu, Kuala Nerus dan Marang. Kawasan Parlimen luar bandar yang dimenangi parti-parti lain dan calon Bebas ialah 4 kerusi (3.1 peratus) iaitu Keningau, Batu, Lubok Antu dan Julau. Pengundi di kawasan luar bandar lebih cenderung menyokong BN kerana faktor mentaliti atau sentimen politik pembangunan fizikal dan kebendaan, ideologi politik yang kukuh, selesa dengan pemerintah yang sedia ada, yakin dengan pengalaman BN, pendekatan mesra rakyat pemimpin BN, peranan jentera akar umbi

yang telah lama dan mantap, pengaruh media arus perdana, hubungan kejiwaan yang erat, dan kebergantungan terhadap bantuan jentera Kerajaan BN.

Jumlah keseluruhan kerusi Parlimen semi/separa bandar ialah 51 kerusi. Kawasan Parlimen semi/separa bandar yang dimenangi BN ialah 6 kerusi (11.8 peratus) iaitu Kepala Batas, Kuala Kangsar, Rembau, Labuan, Sri Aman dan Bintulu. Bagi kawasan Parlimen yang dimenangi PH/PKR/WARISAN pula ialah 41 kerusi (80.4 peratus) iaitu Kangar, Kubang Pasu, Merbok, Sungai Petani, Padang Serai, Kulim Bandar Baharu, Permatang Pauh, Batu Kawan, Bukit Gelugor, Sungai Siput, Tambun, Batu Gajah, Kampar, Gopeng, Lumut, Teluk Intan, Indera Mahkota, Temerloh, Selayang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat, Sepang, Kuala Pilah, Port Dickson, Tangga Batu, Bakri, Muar, Batu Pahat, Kluang, Tebrau, Pasir Gudang, Iskandar Puteri, Kulai, Penampang, Putatan, Sandakan, Tawau, Sarikei, Sibul dan Miri. Kemudian kawasan Parlimen separa bandar yang dimenangi PAS ialah di 4 kerusi (7.8 peratus) iaitu Kubang Kerian, Pengkalan Chepa, Dungun dan Kemaman. Tiada kawasan Parlimen semi bandar yang dimenangi parti-parti lain dan calon Bebas. Kawasan semi/separa bandar masih dikuasai PH kerana pengundi di kawasan ini berfikir positif serta memberi peluang kepada pihak PH untuk menguasai kawasan ini, berfikir kritikal terhadap isu semasa, sokongan padu pengundi Cina dan India berbanding undi Melayu yang berpecah tiga, sumber maklumat alternatif dan pelbagai, tidak terpengaruh dengan sentimen kaum dan agama, peningkatan semangat toleransi dan kerjasama antara kaum, terbuka terhadap kritikan terutamanya yang membina.

Jumlah keseluruhan kerusi Parlimen bandar ialah 44 kerusi. Kawasan Parlimen bandar yang dimenangi BN ialah 1 kerusi (2.2 peratus) iaitu di Putrajaya. Bagi kawasan Parlimen bandar yang dimenangi PH pula ialah 41 kerusi (93.2 peratus) iaitu Alor Setar, Bagan, Bukit Mertajam, Bukit Bendera, Tanjong, Jelutong, Bayan Baru, Taiping, Ipoh Barat, Ipoh Timor, Kuantan, Ampang, Pandan, Bangi, Puchong, Subang, Petaling Jaya, Damansara, Sungai Buloh, Shah Alam, Kapar, Klang, Kota Raja, Kepong, Wangsa Maju, Segambut, Setiawangsa, Titiwangsa, Bukit Bintang, Lembah Pantai, Seputeh, Cheras, Bandar Tun Razak, Seremban, Rasah, Hang Tuah Jaya, Kota Melaka, Johor Bahru, Pulau, Kota Kinabalu, Stampin dan Bandar Kuching. Kemudian kawasan Parlimen yang dimenangi PAS ialah 2 kerusi (4.6 peratus) iaitu Kota Bharu dan Kuala Terengganu. Tiada Parlimen bandar yang dimenangi parti-parti lain dan calon Bebas. Pengundi di kawasan bandar majoritinya menyokong PH kerana mereka berfikir terbuka, pembangunan infrastruktur sudah tersedia ada, sumber maklumat daripada media alternatif, peningkatan politik nilai melebihi politik pembangunan, utamakan persaingan yang sihat, tahap pendapatan yang memuaskan dan kurang kebergantungan kepada kerajaan, peningkatan keamanan dan perpaduan kaum, toleransi dalam beragama dan kebudayaan kaum masing-masing dan peningkatan isu nasional.

Sebagai kesimpulannya, pola pengundian antara lapan PRU tersebut dari segi lokasi (bandar-luar bandar) menunjukkan berlakunya turun-naik atau pendulum berdasarkan pencapaian jumlah kerusi Parlimen antara parti pemerintah yang sejak sekian lamanya (1955-2018) iaitu Perikatan/Barisan Nasional (BN) dengan parti pembangkang seperti DAP, PAS, PKR dan lain-lain. Pada PRU 1986, BN menguasai lokasi bandar dan luar bandar namun pada PRU 1990, prestasi BN merosot di lokasi luar bandar, kemudian pada PRU 1995, BN cemerlang di kedua-dua lokasi. Pada PRU 1999, BN cemerlang di lokasi bandar namun merosot di lokasi luar bandar. PRU 2004 pula BN cemerlang di lokasi bandar dan luar bandar manakala PRU 2008, prestasi BN merosot di lokasi bandar namun sederhana baik di lokasi luar bandar. PRU 2013

pula BN terus merosot di lokasi bandar namun sedikit meningkat di lokasi luar bandar. Kemudian pada PRU 2018, BN kecundang di lokasi bandar dan sedikit merosot di lokasi luar bandar. Begitulah turun-naik prestasi BN dalam lapan PRU terakhir iaitu antara PRU 1986 sehinggalah PRU 2018 berdasarkan lokasi bandar, separa bandar dan luar bandar.

Bagi pola PRU 1986-2018 untuk kerusi Parlimen, elemen pemetaan geografi yang seterusnya akan dianalisis adalah dari sudut kewilayahan (Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Pantai Barat Semenanjung Malaysia, Tengah Semenanjung Malaysia, Borneo/Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak). Dari segi wilayah atau kewilayahan, pada PRU 1986, 1995 dan 2004, semua wilayah yang disebutkan diatas dikuasai BN. Namun pada PRU 1990, 1999 dan 2018, wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia dikuasai PAS manakala PRU 2008, 2013 dan 2018 bagi wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia dikuasai PKR, DAP dan AMANAH. Pada PRU 2018, majoriti kawasan Parlimen dan negeri wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia dimenangi oleh PH/PKR. Ini kerana kawasan tersebut merangkumi komposisi etnik campuran dan sesuai dengan parti-parti komponen dalam PH yang berbilang bangsa berbanding PAS yang hanya didominasi etnik Melayu Islam manakala pengaruh BN di wilayah ini semakin merosot disebabkan faktor isu semasa dan kredibiliti kepemimpinannya. PH menguasai wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia kerana mendapat sokongan padu daripada pengundi bukan Melayu; mendapat sokongan daripada pengundi di bandar dan separa bandar yang lebih mementingkan politik nilai; penetrasi maklumat daripada sumber alternatif seperti twitter, youtube, facebook, whatsapp dan sebagainya mengenai isu yang menguntungkan PH; keyakinan terhadap pengalaman dan kepimpinan Tun Dr. Mahathir sebagai calon Perdana Menteri daripada PH; perpecahan undi Melayu kepada 3 parti politik iaitu BN, PH & PAS yang menguntungkan PH; majoriti pengundi muda dan *first times voters* yang bersikap kritis, mementingkan integriti, ingin keperluan mereka ditunaikan dan bersentimenkan anti BN dan anti Najib; PH sebagai alternatif untuk ganti BN sebagai parti berbilang kaum sesuai dengan demografi etnik Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang bersifat campuran; ideologi PH yang sederhana; dan manifesto PH yang dilihat menguntungkan rakyat.

Bagi wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia pula didominasi oleh PAS. Wilayah ini didominasi PAS kerana lebih 90 peratus pengundi di kawasan ini adalah etnik Melayu Islam yang mempunyai sentimen Melayu dan Islam yang tinggi serta yakin dengan pengalaman PAS selama 67 tahun dalam persada politik di negara ini. Wilayah Utara Semenanjung Malaysia didapati sama kuat antara PH dan PAS. Pengundi yang menyokong PH yakin dengan gabungan parti pelbagai kaum dan ideologi untuk memerintah negeri dan negara manakala yang menyokong PAS pula beranggapan bahawa parti PAS adalah agama Islam dan agama Islam adalah PAS. Mereka juga mempunyai pegangan dan kefahaman perjuangan Islam yang tinggi di samping yakin dengan keseriusan PAS untuk mendaulatkan syiar Islam di kawasan mereka. Mereka juga yakin bahawa PAS merupakan parti yang berasaskan agama yang menyeru pengundi untuk berbuat kebaikan di dunia dan di akhirat sehinggakan terdapat sesetengah pengundi yang beranggapan bahawa mengundi PAS adalah wajib, mendapat pahala serta sebagai ganjaran kekalnya akan dapat masuk syurga. Mereka juga beranggapan bahawa hanya PAS yang dapat menggantikan UMNO sebagai parti teras orang Melayu beragama Islam. Kempen PAS bahawa pemimpin parti tersebut berintegriti dengan tiadanya siasatan rasuah oleh SPRM berbanding pemimpin BN dan PH juga menjadikan parti PAS lebih diyakini untuk memimpin rakyat dengan jujur dan ikhlas. Terdapat juga pengundi di kawasan ini yang mengundi PAS kerana faktor calon iaitu sama ada calon itu lebih popular/terkenal, kerap turun

padang, selalu memberi ceramah atau kuliah agama di surau atau masjid, berperwatakan baik dan beragama, mesra rakyat, mudah dihubungi, perkenalan atas dasar saudara-mara dan rakan taulan.

PAS menguasai wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia kerana majoriti pengundi Melayu menjadikan PAS sebagai alternatif kepada BN/UMNO; sentimen anti PH kerana adanya 'DAP' dalam PH yang dilihat anti Melayu dan anti Islam; ideologi/pembawaan PAS diterima pengundi; menggunakan agama sebagai bahan kempen; sokongan terhadap perjuangan Islam PAS untuk melaksanakan syariat/undang-undang Islam seperti hudud dan RUU335; sokongan terhadap penubuhan negeri dan negara Islam oleh PAS; PAS dilihat bersih dan berintegriti kerana dilihat berimej agama yang menggalakkan orang berbuat baik dan menjauhi kejahatan; untuk mendapat keredhaan/penetimaan Allah SWT; mendapat pahala; taat/patuh/wala' kepada arahan pimpinan PAS; aktiviti usrah dan tarbiah PAS yg mengikat serta beristiqamah/konsisten pengikut tegar/fanatiknya untuk terus mengundi PAS; fahaman bahawa PAS adalah Islam; pengaruh pendakwah selebriti yang pro PAS seperti Ustaz Azhar Idrus (UAI) dan lain-lain; calon PAS yang bersih, dikenali ramai (antaranya kerap memberi kuliah agama di surau/masjid serta terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan) dan berpendidikan tinggi; pengaruh pondok pengajian agama; pengaruh keluarga; sambutan pengundi terutamanya golongan muda terhadap program PAS sebelum PRU-14 seperti PAS Ganti UMNO (PGU), FASTAQIM, Ijtimak dan sebagainya; kempen yang memikat pengundi seperti melalui ceramah, perang poster dan bendera, replika, *banner & bunting* yang menarik dan sebagainya.


BN terus menang di kawasan tengah Semenanjung Malaysia yang merupakan kawasan kampung tradisi Melayu yang dipenuhi kawasan hutan semula jadi serta agak ketinggalan dari segi pembangunan. BN menguasai kawasan tersebut disebabkan beberapa faktor, antaranya kerana majoriti pengundi Melayu menyokong parti tersebut; sentimen perkauman Melayu yang kuat; kesetiaan/keterikatan terhadap BN/UMNO yang tinggi; sokongan majoriti pengundi tua (saluran 1) terhadap BN kerana faktor sentimental dan sejarah; pengaruh keluarga; sentimen politik pembangunan yang diperjuangkan BN tinggi di kawasan tersebut; pengaruh media arus perdana seperti RTM, akhbar Utusan Malaysia dan lain-lain terhadap pemikiran pengundi luar bandar yang memberi sokongan kepada BN; pengalaman memerintah BN sejak 13 PRU; mengenang jasa terhadap pembangunan yang telah dibawa Kerajaan selama ini; jentera pilihan raya BN yang kuat dan berpengalaman; dana kewangan yang baik; strategi kempen BN dari segi pendekatan, kesungguhan, kesepakatan, kesepaduan, perancangan yang baik terhadap pengundi yang berskala kecil yang berkesan; ingin pemimpin Melayu sebagai pemimpin utama negara; pemimpin BN/UMNO setempat (DUN dan Parlimen) yang betul-betul menjaga kebajikan pengundi di kawasan masing-masing seperti Dato' Seri Mohd Najib Raka di Pekan dan lain-lain.

Bagi Wilayah Malaysia Timur iaitu Sarawak dan Sabah pula, kekuatan BN masih utuh. Wilayah ini lebih luas dengan kawasan yang masih belum membangun dan memerlukan pembangunan yang berterusan. BN masih kuat di wilayah ini kerana sentimen 'politik pembangunan' dan 'membalas budi' masih menebal dalam sanubari mereka di samping masih yakin dengan pengalaman BN untuk memerintah atau menguasai kawasan ini. Oleh itu, faktor geografi atau bentuk muka bumi wilayah ini yang masih berhutan tebal, berbukit bukau serta jaringan perhubungan yang sukar yang terpaksa dihubungi dengan bot dan juga penerbangan menjadikan pihak pemerintah (BN) yang utuh dari segi logistik/perhubungan, kewangan dan jentera pilihan raya yang mantap menjadikan parti tersebut terus menjadi pilihan majoriti

pengundi di wilayah ini. Pola kemenangan BN dan parti pembangkang pada PRU 1986-2018 dari segi kewilayahan menunjukkan wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia selepas PRU 2008 dikuasai PKR, DAP dan AMANAH. PAS menguasai wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia pada PRU 1990, 1999 dan 2018.

Bagi pemetaan geografi dalam PRU 1986-2018 bagi Kerusi DUN, jika dilihat kepada pola PRU 1986, BN menguasai semua DUN untuk membentuk Kerajaan Negeri namun parti pembangkang masih berjaya memenangi beberapa kerusi DUN dalam sesebuah negeri (Lihat Rajah 3). Pada PRU 1990 pula, BN masih menguasai DUN untuk membentuk Kerajaan Negeri namun parti pembangkang masih berjaya memenangi beberapa kerusi DUN dan PAS serta Semangat 46 berjaya menawan DUN Kelantan seterusnya berjaya membentuk Kerajaan Negeri. Pada PRU 1995, BN masih menguasai DUN untuk membentuk Kerajaan Negeri namun parti pembangkang masih berjaya memenangi beberapa kerusi DUN dan PAS serta Semangat 46 berjaya mengekalkan penguasaan DUN Kelantan seterusnya berjaya membentuk Kerajaan Negeri. Pada PRU 1999, BN masih menguasai DUN untuk membentuk Kerajaan Negeri namun parti pembangkang masih berjaya memenangi beberapa kerusi DUN dan PAS berjaya mengekalkan penguasaan DUN Kelantan serta menawan DUN Terengganu seterusnya berjaya membentuk Kerajaan Negeri. Pada PRU 2004, BN masih menguasai DUN untuk membentuk Kerajaan Negeri namun parti pembangkang masih berjaya memenangi beberapa kerusi DUN dan PAS berjaya mengekalkan penguasaan DUN Kelantan seterusnya berjaya membentuk Kerajaan Negeri.

Pada PRU 2008, BN masih menguasai DUN untuk membentuk Kerajaan Negeri namun parti pembangkang masih berjaya memenangi beberapa kerusi DUN dan PAS berjaya mengekalkan penguasaan DUN Kelantan serta menawan DUN Kedah dan DUN Perak seterusnya berjaya membentuk Kerajaan Negeri. PKR pula berjaya menguasai DUN Selangor serta DAP dapat menawan DUN Pulau Pinang seterusnya berjaya membentuk Kerajaan Negeri. Pada PRU 2013, BN masih menguasai DUN untuk membentuk Kerajaan Negeri namun parti pembangkang masih berjaya memenangi beberapa kerusi DUN dan PAS berjaya mengekalkan penguasaan DUN Kelantan seterusnya berjaya membentuk Kerajaan Negeri. PKR pula kekal menguasai DUN Selangor serta DAP kekal di DUN Pulau Pinang seterusnya berjaya membentuk Kerajaan Negeri. Pada PRU 2018, BN hanya menguasai DUN Perlis dan Pahang untuk membentuk Kerajaan Negeri namun parti pembangkang masih berjaya memenangi beberapa kerusi DUN dan PAS berjaya mengekalkan penguasaan DUN Kelantan serta menawan DUN Terengganu seterusnya berjaya membentuk Kerajaan Negeri. PKR pula kekal menguasai DUN Selangor serta berjaya menawan DUN Negeri Sembilan manakala PPBM berjaya menawan DUN Kedah, Perak dan Johor serta AMANAH berjaya menguasai DUN Melaka serta DAP kekal di DUN Pulau Pinang seterusnya berjaya membentuk Kerajaan Negeri.



Rajah 3: Peta Taburan Geografi Keputusan PRU 1986-2018 bagi Kerusi DUN di Malaysia

Sumber: (SPR 1986, SPR 1990, SPR 1995, SPR 1999, SPR 2004, SPR 2008, SPR 2013 & SPR 2018)

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, terdapat beberapa elemen geografi yang dapat dikaitkan dengan keputusan dan pola pengundian iaitu dari segi lokasi (bandar-separa bandar-luar bandar), dan kewilayahan (Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Pantai Barat Semenanjung Malaysia, Borneo/Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak). Pola pengundian antara lapan PRU tersebut menunjukkan berlakunya turun-naik atau pendulum berdasarkan pencapaian jumlah kerusi sama ada Parlimen dan DUN antara parti pemerintah yang sejak sekian lamanya (1955-2013) iaitu Perikatan/Barisan Nasional (BN) dengan parti pembangkang seperti DAP, PAS, PKR dan lain-lain. Dinamika sokongan ini disebabkan oleh antaranya faktor geografi dan faktor lain seperti isu, kepemimpinan, etnik, pengalaman memerintah, media, fahaman kepartian, faktor sosiologi dan pilihan rasional. Justeru, diharapkan agar impak penulisan artikel ini dapat memberikan dimensi baru pemikiran politik pilihan raya yang dinamik serta berstrategi dan berseni ini demi kuasa serta dapat menambahkan lagi data dan maklumat kajian yang berkaitan dengan politik pilihan raya dan geografi pilihan raya.

Biodata

Junaidi Awang Besar (Dr.) ialah pensyarah kanan di Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Ahmad Rizal Mohd Yusof (Dr.) ialah pensyarah kanan di Institut Kajian Etnik (KITA); Universiti Kebangsaan Malaysia; Bangi, Selangor.

Nasir Nayan (Dr.) ialah Prof. Madya di Jabatan Geografi dan Alam Sekitar; Fakulti Sains Kemanusiaan; Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

Siti Noranizahhafizah Boyman (Dr.) ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan; Fakulti Sains Kemanusiaan; Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

Mazlan Ali (Dr.) ialah pensyarah kanan di Fakulti Teknologi dan Informatik Razak, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

Aajirah Hanim Abdul Halim ialah pembantu penyelidik di Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Rujukan

- A. Rashid A. Rahman. (1994). *Penjalanan Pilihan Raya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Ab. Rahim Tahir. (1995). *Analisis 1995: Perangkap BN Tahun 2000*. Ampang: Citakhidmat (M) Sdn. Bhd.
- Ahmad Atory Hussain. (1998). *Dari Berantakan Menuju Pembangunan: Politik Melayu 1990-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Atory Hussain. (2009). *Politik Melayu di Persimpangan: Suatu Analisis Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Alias Hashim. (2000). *Hidup Mati UMNO 2000: Post Mortem Pilihanraya ke-10, BA Bukan Alternatif*. Kuala Lumpur: Gema Awan Enterprise.
- Amer Saifude Ghazali. (2008). Politik Etnik dalam Pilihan Raya Parlimen 2008 di Malaysia: Suatu Analisis. Dlm Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Amer Saifude Ghazali. (2009). *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Biro Analisis Politik. (2000). *Dilema UMNO: Analisa Pilihanraya Umum 1999 (UMNO in Trouble)*. Kuala Lumpur: Biro Analisis Politik.
- Brown, G.K. (2008). Federal and state elections in Malaysia, March 2008. *Electoral Studies* 27(4): 740-744.
- Commonwealth Secretariat. (1990). *General Elections in Malaysia 20-21 October 1990: The Report of the Commonwealth Observer Group*. London: Commonwealth Secretariat.

- Ghazali Mayudin. (2006). Demokrasi dan pilihan raya di Malaysia. Dlm. Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud & Zaini Othman. *Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ghazali Mayudin. (2007). Hubungan keputusan pilihan raya dengan isu, ekonomi dan kepimpinan: Antara alat dengan matlamat. Dlm. Armida S. Alisjahbana, Ramdan Panigoro & Parikesit. *Indonesia dan Malaysia dalam Era Globalisasi dan Desentralisasi: Mewujudkan Kemakmuran Bersama. Buku 2: Isu dan Permasalahan Politik, Hukum dan Budaya*. Bandung: Universitas Padjadjaran.
- Goo Lee Ping. (2002). Kemenangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gomez, E.T. (1996). *The 1995 Malaysian General Elections: A Report and Commentary*. Occasional Paper No. 93. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Hussain Mohamed. (1986). *Membangun Demokrasi: Pilihan Raya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Jamaie Hj Hamil, Faris Afiq Ikhwan Saifullah, Muhammad Suhaimi, Abdul Rahman, Mahfudzah Mustafa, Russli Kamaruddin & Muhamad @ Nadzri Mohamed Noor. (2014). Ikhtisar analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space (Themed Issue on The Social Dynamics of Malaysian Political Landscape with Special Reference to the 13th General Elections)* 10: 39-53.
- Junaidi Awang Besar. (2016). Analisis geografi pilihan raya, sosiopolitik dan sosiobudaya di kawasan Parlimen Bagan Serai, Negeri Perak Darul Ridzuan, Malaysia. The 2016 *Konferensi Internasional Budaya Melayu*. Anjuran Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Jambi (UNJA), Sumatera, Indonesia. Tempat: Kampus UNJA Pasar, Jambi, Sumatera, Indonesia. 26-27 Oktober.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Trend pengundian dalam pilihan raya umum Malaysia ke-13. *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities* 12(2): 126-149.
- Junaidi Awang Besar. (2018). Analisis Faktor Geografi Terhadap Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *International Conference on Social Sciences And Humanities (ICOSH-7) 2018*. Tema: "Wisdom and Culture in the ASEAN Region: Perspectives from the Social Sciences and Humanities" "Akal Budi dan Kebudayaan di Rantau ASEAN: Perspektif Sains Sosial dan Kemanusiaan". Anjuran dan Tempat Persidangan: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Pada 12-15 November.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 220-232.
- Junaidi Awang Besar, Abdul Muein Abadi & Ahmad Afif Zulkipli. (2018). Gelombang Rakyat Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Ke-7, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 7, 2018)*. Tema: "Integrasi Nusa Maritim dan Penguat Jalinan Kebhinekaan Alam Melayu di Asia Tenggara. Tempat: Jayakarta, Lombok Beach Resort & Spa, Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Anjuran Bersama: Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia; Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Islam Al-Azhar, Mataram, Indonesia. 28-29 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia:

- Suatu Analisis 'Tsunami Politik Bandar'. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 10: 28-38.
- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Mohd Faidz Mohd Zain & Ahmad Afif Zulkipli. (2016). Analisis Geografi Pilihan Raya Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir, Terengganu. *8th International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHiSS) 2016*. Theme: Innovation in Humanities and Social Sciences: Opportunities and Challenges" at The Hotel Royale Chulan Damansara, Selangor, Malaysia. Organized By: Fakulty of Defence and Management Study, National Defence University of Malaysia (UPNM) and Prince Of Songkla University (PSU), Thailand. In The Royale Chulan Hotel, Damansara, Selangor. 27-29 May.
- Junaidi Awang Besar, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Amer Saifude Ghazali, Mazlan Ali, Nur Azuki Yusuff, Nasir Nayan & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2020). Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018 di Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar. *International Journal of Law, Government and Communication* 5(19): 128-144.
- Kamarudin Jaffar. (2000). *Pilihanraya 1999 dan Masa Depan Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Khong Kin Hong. (1991). *Malaysia's General Election 1990*. Singapore: ISEAS.
- Leow Pek Yee @ Loh Pek Yee. (2001). Pilihan raya 1999: tingkahlaku pengundi Cina di Sri Kembangan. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali & Sabihah Osman. (2002). Politik wilayah dan politik nasional dalam Pilihan Raya Umum 1999. Dlm Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad. *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Fuad Mat Jali & Yalvema Miaz. (2007). Pilihan Raya Umum 1999 dan 2004: Pengekalan demokrasi dan kemakmuran di Indonesia dan Malaysia. Dlm. Armida S. Alisjahbana, Ramdan Panigoro & Parikesit. *Indonesia dan Malaysia dalam Era Globalisasi dan Desentralisasi: Mewujudkan Kemakmuran Bersama. Buku 2: Isu dan Permasalahan Politik, Hukum dan Budaya*. Bandung: Universitas Padjadjaran.
- Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Nidzammuddin Sulaiman & Zaini Othman. (2005). Pungutan pendapat awam prapilihan raya umum 1999: satu kajian kes di Kedah Darul Aman. Dlm. Maizatul Haizan Mahbob & Mohamad Zain Musa. *Tinjauan baru politik Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Rizal Razak & Kamarulzaman Ibrahim. (2006). Gelagat pengundi di Malaysia. Dlm. Stanislaus Sandarupa. *Seminar Bersama Universitas Hasanuddin dan Universitas Kebangsaan Malaysia (Kemelayuan Indonesia dan Malaysia: Sejarah dan Sejarah Maritim, Sosial-Politik dan Ekonomi - Vol. 2*. Jakarta: Departemen Kebudayaan dan Pariwisata Republik Indonesia.
- Mohd Sayuti Omar. (1995). *Analisis Pilihan Raya '95*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Mohd Sayuti Omar. (2004a). *Debaran Pilihan Raya Ke-11*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Mohd Sayuti Omar. (2004b). *Pilihan Raya Umum Ke-11: Suatu Tragedi*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad. (2002). Pendahuluan. Dlm Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad. *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj. Hussin & Badrul Azmier Mohamed@Bakar. (2013). Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12. *Political Managements and Policies in Malaysia*. Hlm 411-442.
- Nafisah Ilham Hussin & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2013). Sentimen perkauman dalam PRU 13. *Seminar Antarabangsa Etnik dan Dasar: Refleksi Jati Diri*. Anjuran Institut

- Kajian Etnik (KITA) UKM dan Kumpulan Penyelidik Sumitomo (RE2012-003). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 22 Ogos.
- Nazli Aziz. (2008). Pilihan Raya Umum Ke-12 dan Perhubungan Kaum di Malaysia: Suatu “Bicara”. Dlm Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding seminar politik Malaysia: Lanskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- NSTP. (1994). *Election in Malaysia: A Handbook of Facts and Figures on the Elections 1955-1990*. Kuala Lumpur: The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
- Rahman Shaari. (1989). *Politik Mahathir: Langkah dan Perhitungan*. Kuala Lumpur: ‘D’ Enterprise.
- Rosmadi Fauzi, Aziz Shafie, Amer Saifude Ghazali, Zulkanain Abdul Rahman & Mohammad Redzuan Othman. (2011). Elemen ruangan dalam politik Malaysia menjelang Pilihan Raya Umum 13. *Kertas Kerja Seminar Politik Malaysia*. 12 Januari. UiTM Shah Alam.
- S. Sothi Rachagan. (1993). *Law and the Electoral Process in Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- SPR. (1986). *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1986*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihanraya, Malaysia.
- SPR. (1990). *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1990*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihanraya, Malaysia.
- SPR. (1995). *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia ‘95*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia.
- SPR. (1999). *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1999*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2004). *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 2004*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2008). *Laporan Pilihan Raya Umum ke-12 2008*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2013). *Laporan Pilihan Raya Umum ke-13 2013*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2018). *Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Syed Arabi Idid & Mazni Buyong. (1995). *Malaysia’s General Election 1995: People, Issues and Media Use*. Bangi: Jabatan Komunikasi, UKM.
- Wan Ahmad Wan Omar. (2014). *Saya, SPR & Pilihan Raya*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrak Sdn. Bhd.
- Wan Nik Wan Yussof. (2005). *Materialisme Menggugat*. Kota Bharu: Political Analysis and Strategic Development (PASD).
- Wong Pooi Ling. (2001). Perilaku pengundi Cina dalam pilihanraya 1999: satu kajian kes di DUN Rahang, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusop Khan Loth Khan. (2000). *Nostalgia Pilihan Raya 1955-1999: Perjalanan Menuju Abad 21*. Pulau Pinang: Zainol Ahmad Resource Center.
- Zakry Abadi. (1986). *Suatu Analisa Pilihanraya Umum ‘86*. Kuala Lumpur: Syarikat Grafikset Abadi.
- Zakry Abadi. (1990). *Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-8: Mahathir ‘Machiavelli’ Malaysia?*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Zakry Abadi. (1990a). *BN & APU: Siapa Berkuasa?*. Kuala Lumpur: Edaran Ilmu Sdn. Bhd.

- Zakry Abadi (1990b). *Analisis Pilihan Raya Umum 90*. Kuala Lumpur: MYZ Sdn. Bhd.
- Zarina Salleh. (1996), *Senario pilihanraya kali kelapan di Malaysia: Perubahan dan Cabaran*. Dlm. Yusof Ismail & Khayati Ibrahim. *Politik Melayu dan Demokrasi*. Kuala Lumpur: Penerbit A.S. Noordeen.